

NAMA : _____

TARIKH : _____

KARANGAN RESPON TERBUKA

Dalam pelbagai saluran media massa, remaja diletakkan sebagai golongan yang paling banyak menerima tempias **ketagihan peranti elektronik** yang dilaporkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pada tahun 2018. Berdasarkan dapatan tinjauan SKMM tersebut, individu dewasa, iaitu golongan yang berumur sekitar 20-an (30%) dan 30-an (25.9%) merupakan golongan tertinggi dalam kategori umur yang menjadi pengguna Internet dan peranti elektronik.

Sumber: *Dewan Siswa*, Bil. 6/2019

Berikan pendapat anda tentang **kesan-kesan ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja**.

Tulis sebuah karangan yang panjangnya **antara 350 hingga 500 patah perkataan**.

CIRI-CIRI KARANGAN TERBAIK:

(70 markah)

- *430-500pp – cemerlang
- *Kurang drpd 430 – kepujian
- *gunakan kosa kata yg menarik/peribahasa.

TEKNIK SMSSP

PENDAHULUAN (PERMASA)

ISI (IMBAKEP)

KESIMPULAN (KPCH)

PERIBAHASA

Bagai melepaskan batuk di tangga – membuat sesuatu kerja tetapi tidak sampai selesai

Orang buta diberi bersuluh – perbuatan yang sia-sia

Bertangguh itu pencuri masa – melakukan kerja secara bertangguh akan merugikan sendiri

Pendahuluan	Kebelakangan ini , ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja adalah isu yang semakin membimbangkan terutamanya dalam era digital yang sedang berkembang pesat di seluruh dunia.
Secara umum	Ketagihan ini akan memberi impak jangka masa panjang terhadap perkembangan dan kesejahteraan remaja.
Kehendak soalan	Persoalannya , apakah kesan-kesan ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja?

Isi 1	Kesan ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja yang pertama adalah menjejaskan kesihatan fizikal.
Huraian	Hal ini demikian kerana penggunaan peranti elektronik yang berlebihan, seperti telefon pintar, komputer, dan tablet, boleh menyebabkan pelbagai masalah kesihatan.
Contoh	Sebagai contoh , remaja yang menghabiskan masa yang lama menggunakan peranti elektronik, terutamanya pada waktu malam, berisiko mengalami gangguan tidur seperti insomnia.
Kesan	Hal ini mengakibatkan cahaya biru yang dipancarkan oleh skrin peranti juga boleh mengganggu ritma sirkadian, iaitu jam biologi tubuh, yang seterusnya menjejaskan kualiti tidur.
Kesimpulan	Jelaslah bahawa , ketagihan peranti elektronik boleh menjejaskan kesihatan fizikal remaja.

Isi 2	Selain itu , ketagihan peranti elektrik boleh menjejaskan kesihatan mental.
Huraian	Hal ini demikian kerana remaja yang sering terdedah kepada media sosial mungkin mengalami tekanan untuk memenuhi standard sosial yang tidak realistik.
Contoh	Sebagai contoh , masalah ini boleh menyebabkan perasaan rendah diri, kebimbangan, dan kemurungan.
Kesan	Hal ini mengakibatkan masalah tingkah laku seperti keagresifan dan ketidakstabilan emosi.
Kesimpulan	Jelaslah bahawa , ketagihan peranti elektrik memberi kesan buruk kepada kesihatan mental remaja sekiranya masalah ini tidak dikawal dengan segera.

Isi 3	Seterusnya, kesan terhadap kehidupan sosial.
Huraian	Hal ini demikian kerana ketagihan peranti elektronik boleh mengasingkan remaja daripada kehidupan sosial yang sebenar.
Contoh	Sebagai contoh, remaja yang terlalu asyik dengan peranti mereka mungkin akan mengabaikan hubungan dengan rakan-rakan dan keluarga.
Kesan	Hal ini mengakibatkan mereka mungkin lebih selesa berinteraksi secara maya berbanding secara bersemuka, yang boleh menyebabkan kemahiran sosial mereka terbantut.
Kesimpulan	Jelaslah bahawa, ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja akan menjejaskan perkembangan sosial mereka.

Isi 4	Akhir sekali, kesan terhadap prestasi akademik.
Huraian	Hal ini demikian kerana ketagihan peranti elektronik sering kali menyebabkan penurunan dalam prestasi akademik remaja.
Contoh	Sebagai contoh, remaja yang terlalu fokus kepada peranti mereka mungkin akan mengabaikan tugas-tugas sekolah dan kerja rumah, yang boleh mengakibatkan prestasi yang buruk dalam peperiksaan.
Kesan	Hal ini menyebabkan menyebabkan mereka kurang memberi tumpuan kepada pelajaran dan lebih cenderung untuk menunda-nunda kerja. Bak kata pepatah, bertanggung itu pencuri masa
Kesimpulan	Jelaslah bahawa, ketagihan peranti elektronik akan menjejaskan prestasi akademik remaja di sekolah.

Penutup	Kesimpulannya, pada pendapat saya ketagihan peranti elektronik dalam kalangan remaja membawa pelbagai kesan negatif yang boleh menjejaskan kehidupan mereka dalam pelbagai aspek.
Tindakan	Oleh itu, adalah penting bagi ibu bapa, pendidik, dan pihak berkuasa untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya dalam mendidik remaja tentang penggunaan peranti elektronik yang seimbang dan bertanggungjawab.
Cadangan	Dengan pendekatan yang betul, remaja dapat memanfaatkan teknologi tanpa menjejaskan kesejahteraan diri mereka.

BAHASA MELAYU STANDARD

Baca petikan bahasa Melayu klasik di bawah ini dengan teliti. Kemudian, tulis semula dalam bahasa Melayu standard tanpa mengubah bentuk dan maksud asalnya.

~~Maka~~ ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. ~~Maka ia berdatang sembah~~ ke bawah duli baginda. ~~Maka~~ baginda memberi ~~titah~~ kepada bentara Seri Amerta menyuruh ~~berkata~~ kepada Tun Perak. Maka Tun Perak pun datang ~~menghadap~~. Maka Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, "Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadu dirinya teraniaya ~~oleh~~ Tun Perak. Mengapakah ~~maka~~ demikian ~~pekerti~~ tuan hamba?"

Dipetik daripada
'Burung Terbang Dipipiskan Lada'
dalam antologi *Sejadah Rindu*,
Kementerian Pendidikan Malaysia

Lalu ada seorang orang Kelang mengatakan dirinya teraniaya oleh Tun Perak sedikit. Lalu **datang berjumpa** ke bawah duli baginda. **Lalu** baginda memberi **perintah** kepada bentara Seri Amerta menyuruh **memberitahu** kepada Tun Perak. **Lalu** Tun Perak pun datang **berjumpa**. **Lalu** Seri Amerta pun berkata kepada Tun Perak, "Orang ini, ya Tuan Tun Perak, mengadu dirinya teraniaya oleh Tun Perak. Mengapakah **lalu** demikian **melakukannya** tuan hamba?"